***PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK WARGA EMAS***

**NOR YAZIDAH BT YAHYA**

**FBMK 2019 23**

PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK WARGA EMAS

Oleh

NOR YAZIDAH BT YAHYA

Tesis yang dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra Malaysia, sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Doktor Falsafah

Disember 2018

© COPYRIGHT UPM

**HAK CIPTA**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, iklan, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya, Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia,

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia

© COPYRIGHT UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk ijazah Doktor Falsafah

**PEMBINAAN DAN PENILAIAN MODUL PEMBELAJARAN BAHASA ARAB UNTUK WARGA EMAS**

Oleh

**NOR YAZIDAH BT YAHYA**

**Disember 2018**

**Pengerusi : Profesor Madya Che Radiah Mezah, PhD**
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Mutakhir ini, banyak modul pembelajaran bahasa Arab telah diusahakan untuk memenuhi minat orang awam, terutamanya warga emas. Namun, modul berkenaan kurang memenuhi pendekatan dan prinsip pembelajaran golongan ini serta tidak didahului oleh satu analisis keperluan. Hasilnya, modul ini telah membantut minat serta membataskan penguasaan mereka untuk mempelajari bahasa ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan membina dan menilai modul pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas berdasarkan analisis keperluan yang telah dijalankan serta prinsip Andragogi. Kajian ini menggunakan kaedah kajian Reka Bentuk dan Pembinaan *(Design and Developmental Research Approach)* untuk membina modul. Berpandukan kaedah ini, kajian ini dibahagikan kepada dua fasa. Fasa pertama; iaitu Fasa Reka Bentuk dan Pembinaan melibatkan proses reka bentuk dan pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas yang terdiri daripada 10 unit. Selanjutnya, fasa kedua kajian ini; iaitu Fasa Pelaksanaan dan Penilaian Kebolehgunaan memfokuskan kebolehgunaan modul, yang kemudiannya dinilai oleh pakar dan juga responden kajian yang terdiri daripada seorang pengajar dan 25 orang pelajar warga emas. Dapatan kajian fasa pertama telah berjaya menghasilkan modul pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas yang dikenali sebagai MOBAWE. Modul ini terdiri daripada empat (4) komponen utama, iaitu objektif, kandungan, penyampaian bahan dan penilaian. Komponen kandungan pula merangkumi empat (4) elemen; iaitu tema agama, tema komunikasi, unsur dan kemahiran bahasa yang diterima dengan pembetulan setelah dinilai oleh sekumpulan pakar. Dapatan untuk fasa kedua menunjukkan pelaksanaan MOBAWE adalah berada pada tahap praktis, berkesan, sesuai dan boleh digunakan. Dapatan temu bual dan pemerhatian yang dianalisis secara kualitatif telah membuktikan bahawa pelajar warga emas mampu mempelajari bahasa Arab dengan lebih berkesan menggunakan MOBAWE. Mereka turut mencadangkan agar latihan pengukuhan bersumberkan al-Quran digandakan, serta aktiviti ulang kaji lebih diutamakan berbanding dengan



© COPYRIGHT UPM

ujian pencapaian akhir kursus. Penjenamaan semula istilah ‘ujian pencapaian akhir kursus’ sebagai ‘ulang kaji’ juga mengurangkan tekanan mereka. Selain itu, kajian ini juga mendapati bahawa penggunaan transliterasi dalam pembelajaran bahasa Arab tidak disenangi oleh pelajar warga emas.

© COPYRIGHT UPM

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment of the requirement for the degree of Doctor of Philosophy

**DESIGN AND EVALUATION OF THE ARABIC LANGUAGE LEARNING MODULE FOR SENIOR CITIZEN STUDENTS**

By

**NOR YAZIDAH BT YAHYA**

**December 2018**

**Chairman : Associate Professor Che Radiah Mezah, PhD**
**Faculty : Modern Languages and Communication**

In recent years, Arabic learning modules have been developed abundantly to meet the growing interest of the public, especially senior citizens. However, those existing modules do not consider the approaches and principles of adult learning and are not preceded by needs analysis. Hence, the modules decrease learners interest in learning the language, and restrict the ability to master it. Therefore, this research aims to develop and evaluate an Arabic language learning module for senior citizens, based on the needs analysis carried out, and also the principles of andragogy. It uses the Design and Developmental Research Approach for module development. Based on this approach, this research is divided into two phases. The first phase is the Design and Development phase of Arabic language learning module for senior citizen students that consists of ten (10) units. Subsequently, the second phase is the Implementation and Usability Evaluation phase that focuses on the usability of the module, which was later evaluated by experts as well as research respondents, consisting of an instructor, and 25 senior citizen students. Findings of the first phase have successfully helped in developing an Arabic language learning module for senior citizen students known as MOBAWE. This module is made up of four (4) main components, which include objectives, contents, delivery of materials, and evaluation. The contents include four (4) elements, which are religious themes, communication themes, language elements, and language skills that have been amended based on evaluation by a group of experts. Findings of the second phase showed that the implementation of MOBAWE was practical, effective, appropriate, and usable. Interviews and observations data which has been qualitatively analysed proved that the senior citizen students are able to learn Arabic more effectively using MOBAWE. In fact, the students suggested additional Quran-based exercises, and they preferred revisions over final evaluation of the course. The re-naming of the terms 'final evaluation test' to 'revision' helps to reduce stress. In addition, the



© COPYRIGHT UPM

research revealed that senior citizen students were not in favour of the use of transliteration in learning Arabic.

© COPYRIGHT UPM

**PENGHARGAAN**


بِسْمِ اللهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيْم

اَلْحَمْدُ لِلّٰهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلاَةُ وَالسَّلاَمُ عَلَى أَشْرَفِ الأَنْبِيَاءِ وَالمُرْسَلِينَ ،

سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

Segala puji bagi Allah S.W.T di atas limpah kurnia-Nya yang menganugerahkan segala nikmat yang tidak terhingga banyaknya. Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W., utusan mulia pembawa rahmat ke seluruh alam, menjadikan kita ummah cemerlang di akhir zaman.

Pengkaji mengucapkan setinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana sentiasa mengurniakan kekuatan, kesabaran dan kesungguhan untuk menyelesaikan kajian ini bagi memartabatkan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan pelajara warga emas di Malaysia ini khasnya dan untuk semua pencinta bahasa Arab amnya.. Sesungguhnya kajian ini tidak akan tercapai hasilnya tanpa adanya pertolongan, bantuan dan tunjuk ajar dari pelbagai pihak.

Di kesempatan ini, pengkaji ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih terutamanya kepada Penyelia Kajian, PM Dr Che Radiah Binti Mezah, Dr.Nik Farhan Mustapha dan Dr Mohd Sukki bin Othman yang telah banyak memberi bimbingan, tunjuk ajar dan sokongan moral kepada pengkaji untuk menyiapkan kajian ini. Setinggi-tinggi penghargaan juga diucapkan buat semua Panel Pemeriksa Tesis Dr Pabiyah Toklubok@Hajimaming, PM Dr Abd Rauf Bin Hassan, PM Dr Zamri bin Ariffin dan PM Dr Mohamad bin Seman yang berusaha menambah nilai kajian pengkaji. Tidak lupa kepada Dekan dan Timbalan Dekan Fakulti Bahasa Dan Komunikasi UPM termasuk juga para pensyarah di fakulti ini yang tidak jemu mencurahkan segala ilmu mereka kepada anak didik terutamanya. Tidak ketinggalan kepada rakan-rakan kakitangan Universiti Pusat Bahasa dan Pengajian Umum, Pendidikan Sultan Idris, yang banyak membantu dalam memberi maklumat dan berkongsi pengalaman serta memotivasikan pengkaji. Penghargaan juga buat para anak didik pengkaji daripada Universiti Pendidikan Sultan Idris yang diibaratkan sebagai ”bidadari syurga” yang turut membantu dan mendoakan pengkaji sepanjang tempoh pengajian

Pengkaji begitu menghargai dan berterima kasih kepada Pengerusi Masjid Masjid Sultan Salehuddin Shah yang merupakan Masjid Negeri Selangor serta para pegawainya,, kerana telah membenarkan pengkaji mengimplimitasikan MOBAWE yang dihasilkan oleh pengkaji sebagai bahan untuk memperolehi data kajian. Tidak


© COPYRIGHT UPM

dilupakan juga para peserta warga emas yang bersedia secara sukarela menjadi responden kajian.

Akhir sekali, sekalung penghargaan dan terima kasih khusus buat suami tercinta, Januar Khairul Bakar Bin Burhanuddin Ali yang banyak berkorban perasaan dan tidak jemu memberi semangat kepada isteri untuk cemerlang dalam pengajian dan kerjaya. Buat adik beradik nun yang jauh di mata atas doa dan dorongan yang diberikan untuk kejayaan adinda. Begitu juga buat tiga orang cahaya mata tersayang yang juga jauh di mata, kalian sentiasa di hati bonda; Abdullah Ali Al baqir, Ahmadul Muttaqin Ali dan Ibrahim Nuruddin Ali yang sering mendoakan kejayaan bonda dalam munajat kalian .

Keikhlasan dan ketulusan budi yang diberikan sangatlah dikagumi dan dihargai. Hanya Allah S.W.T yang akan membalas segala jasa baik tersebut. Amiin…

Nor Yazidah Binti Yahya
No.37, Jalan W/M 3A/11,
Bandar Behrang 2020,
35900 Tanjung Malim,
Perak Darul Ridzuan.

17 Ogos 2018M
1438H

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan pelajar siswazah**

Saya memperakui bahawa

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau institusi lain;
- hak milik intelek dan hakcipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovosi) hendaklah diperolehi sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : _______________________ Tarikh:_________________

Nama dan No. Matrik : Nor Yazidah Bin Yahya, GS33997

© COPYRIGHT UPM

**Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyelidikan**

Dengan ini diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah selian kami;
- tanggungjawab penyelian sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : ____________________

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan : ____________________

Tandatangan : ____________________

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : ____________________

Tandatangan : ____________________

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : ____________________

© COPYRIGHT UPM

# JADUAL KANDUNGAN


| | | | Muka surat |
|---|---|---|---|
| **ABSTRAK** | | | i |
| ***ABSTRACT*** | | | iii |
| **PENGHARGAAN** | | | v |
| **PENGESAHAN** | | | vii |
| **PERAKUAN** | | | ix |
| **SENARAI JADUAL** | | | xv |
| **SENARAI RAJAH** | | | xvi |
| **SENARAI TRANSLITERASI** | | | xix |
| **SENARAI SINGKATAN** | | | xxi |
| **SENARAI LAMPIRAN** | | | xxii |
| **BAB** | | | |
| **1** | **PENGENALAN** | | 1 |
| | 1.1 | Pendahuluan | 1 |
| | 1.2 | Latar Belakang | 1 |
| | 1.3 | Penyataan Masalah | 2 |
| | 1.4 | Objektif dan persoalan Kajian | 5 |
| | | 1.4.1 Objektif Fasa Pertama | 5 |
| | | 1.4.2 Persoalan kajian fasa pertama adalah: | 5 |
| | | 1.4.3 Objektif Fasa Kedua | 6 |
| | | 1.4.4 Persoalan kajian fasa kedua ini adalah: | 6 |
| | 1.5 | Kepentingan Kajian | 6 |
| | 1.6 | Batasan Kajian | 7 |
| | 1.7 | Definisi Operasional | 7 |
| | | 1.7.1 Pembinaan | 7 |
| | | 1.7.2 Penilaian | 7 |
| | | 1.7.3 Pembelajaran dewasa (Andragogi) | 8 |
| | | 1.7.4 Warga emas | 8 |
| | | 1.7.5 Modul berteraskan Bahan | 8 |
| | | 1.7.6 Fasa | 8 |
| | | 1.7.7 Komponen | 9 |
| | | 1.7.8 Elemen | 9 |
| | | 1.7.9 Prototaip | 9 |
| | 1.8 | Kesimpulan | 9 |
| **2** | **TINJAUAN LITERATUR** | | 10 |
| | 2.1 | Pendahuluan | 10 |
| | 2.2 | Pembelajaran Dewasa | 10 |
| | | 2.2.1 Konsep pembelajaran dewasa (Andragogi) | 10 |
| | | 2.2.2 Prinsip Knowles dalam Pembelajaran dewasa | 11 |
| | 2.3 | Pembelajaran Warga Emas | 13 |
| | | 2.3.1 Pembelajaran Bahasa dalam Kalangan Warga Emas | 18 |


© COPYRIGHT UPM

| | | | |
|---|---|---|---|
| | 2.4 | Analisis keperluan Pembelajaran Bahasa Arab Warga Emas | 20 |
| | | 2.4.1 Analisis keperluan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk tujuan khusus | 21 |
| | | 2.4.2 Analisis keperluan dalam pembinaan modul bahasa Arab | 22 |
| | | 2.4.3 Kajian berkaitan keberkesanan modul dan modul efektif | 25 |
| | | 2.4.4 Analisis keperluan dalam pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas | 25 |
| | 2.5 | Komponen Asas Dalam Pembinaan Modul Bahasa Arab | 27 |
| | | 2.5.1 Objektif Modul | 28 |
| | | 2.5.1.1 Tujuan Agama | 29 |
| | | 2.5.1.2 Tujuan Komunikasi | 29 |
| | | 2.5.1.3 Tujuan Kemasyarakatan | 30 |
| | | 2.5.2 Kandungan Modul | 30 |
| | | 2.5.2.1 Tema Agama | 31 |
| | | 2.5.2.2 Tema Komunikasi | 32 |
| | | 2.5.2.3 Unsur Bahasa | 32 |
| | | 2.5.2.4 Kemahiran Bahasa | 35 |
| | | 2.5.3 Proses Pengajaran dan Pembelajaran | 38 |
| | | 2.5.4 Penilaian | 41 |
| | | 2.5.4.1 Ujian Penilaian Berterusan (Formatif) | 42 |
| | | 2.5.4.2 Ujian Penilaian Akhir (Sumatif) | 43 |
| | 2.6 | Kesimpulan | 44 |
| **3** | **METODOLOGI** | | 45 |
| | 3.1 | Pendahuluan | 45 |
| | 3.2 | Reka Bentuk Kajian | 45 |
| | | 3.2.1 Rasional untuk Pendekatan Kajian Rekaan dan Pembinaan (DDR) | 45 |
| | | 3.2.2 Kerangka kajian | 47 |
| | | 3.2.3 Fasa 1: Analisis | 48 |
| | | 3.2.4 Fasa 2: Reka Bentuk | 52 |
| | | 3.2.5 Fasa 3: Pembinaan | 53 |
| | | 3.2.6 Fasa 4: Pelaksanaan | 54 |
| | | 3.2.7 Fasa 5: Penilaian | 55 |
| | 3.3 | Peserta | 56 |
| | | 3.3.1 Pengajar | 56 |
| | | 3.3.2 Pelajar Warga Emas | 57 |
| | | 3.3.3 Pakar | 57 |
| | 3.4 | Kriteria Kualiti Modul | 58 |
| | 3.5 | Kaedah Pengumpulan Data | 59 |
| | | 3.5.1 Kaedah Kualitatif | 59 |
| | | 3.5.2 Penilaian Modul | 59 |
| | | 3.5.2.1 Fasa penilaian formatif rekabentuk modul | 60 |
| | | 3.5.2.2 Fasa penilaian formatif pembinaan modul | 61 |
| | | 3.5.2.3 Fasa penilaian formatif pelaksanaan modul | 61 |
| | 3.6 | Prosedur Analisis Data | 66 |



© COPYRIGHT UPM

3.6.1 Analisis Data Teks 66
3.6.2 Analisis Data Video 67
3.7 Keabsahan 68
3.7.1 Keabsahan dalaman 68
3.7.2 Keabsahan luaran 68
3.8 Kesimpulan 68

**4 ANALISIS REKA BENTUK DAN PEMBINAAN 69**
4.1 Pendahuluan 69
4.2 Komponen Utama MOBAWE 69
4.3 Elemen MOBAWE 72
4.3.1 Elemen dalam komponen objektif MOBAWE 73
4.3.2 Elemen bagi komponen kandungan MOBAWE 76
4.3.2.1 Tema Agama 77
4.3.2.2 Tema Komunikasi 79
4.3.2.3 Unsur Fonologi dan morfologi 80
4.3.2.4 Unsur: Kosa Kata 81
4.3.3 Elemen bagi komponen penyampaian 89
4.3.4 Elemen bagi komponen penilaian 90
4.4 Ciri praktikal 96
4.4.1 Transliterasi 97
4.4.2 Glosari perkataan 97
4.4.3 Penggunaan Terjemahan Perkata 97
4.4.4 Panduan menggunakan kamus 97
4.4.5 Penomboran muka surat dalam dua bentuk 98
4.4.6 Arahan soalan disediakan terjemahan 98
4.4.7 Aktiviti mudah dalam latihan penilaian 98
4.4.8 Saiz huruf Arab yang Besar 99
4.5 Pengesahan Pakar dalam Fasa Pembinaan 99
4.5.1 Pengesahan Pakar bagi Komponen dalam MOBAWE 99
4.5.2 Pengesahan Pakar bagi Elemen dalam Komponen Objektif 100
4.5.3 Pengesahan Pakar bagi Elemen Komponen Kandungan 100
4.5.3.1 Pengesahan Pakar bagi Elemen Komponen Kandungan Bertema 100
4.5.3.2 Penyusunan semula dialog dalam tajuk tema komunikasi 101
4.5.3.3 Pemilihan teks untuk tajuk pelajaran di bawah tema agama 101
4.5.3.4 Pengesahan Pakar bagi Elemen Unsur Bahasa Komponen Kandungan 101
4.5.4 Pengesahan Pakar bagi Elemen Komponen Proses Pembelajaran dan Pengajaran 103
4.5.5 Pengesahan Pakar bagi Elemen Komponen Penilaian 103
4.5.5.1 Pembentukan ayat mudah dari kosa kata yang telah dipelajari 104


© COPYRIGHT UPM

4.5.5.2 Menggunakan arahan soalan yang lebih mudah 104
4.5.6 Pengesahan Pakar bagi Ciri Praktikal MOBAWE 105
4.5.6.1 Transliterasi 105
4.5.6.2 Panduan kamus 105
4.6 Kesimpulan 106

**5 ANALISIS PELAKSANAAN DAN PENILAIAN 107**
5.1 Pendahuluan 107
5.2 Fasa Pelaksanaan Pembelajaran Modul 107
5.3 Kebolehgunaan Modul 107
5.3.1 Kepraktisan Modul 108
5.3.1.1 Pelaksanaan Modul oleh Pengajar 109
5.3.1.2 Langkah pengajaran modul 111
5.3.1.3 Reaksi pengajar terhadap item dalam modul 113
5.3.1.4 Kefahaman Pelajar terhadap modul 114
5.3.1.5 Kemesraan modul kepada pengguna 115
5.3.2 Keberkesanan Modul 119
5.3.2.1 Keberkesanan MOBAWE 120
5.3.2.2 MOBAWE membantu pelajar 121
5.4 Fasa Penilaian Pembelajaran Modul 133
5.4.1 Elemen yang membolehkan MOBAWE dilaksanakan seperti yang dirancang 134
5.4.2 Masalah yang dihadapi oleh pengguna semasa pelaksanaan modul 139
5.4.3 Cadangan Penambahbaikan Modul 140
5.4.3.1 Tempoh pembelajaran sesuatu unit pelajaran 140
5.4.3.2 Penamaan Ujian Pencapaian Akhir (sumatif) 141
5.4.3.3 Latihan pengukuhan 141
5.5 Kesimpulan 142

**6 RUMUSAN DAN CADANGAN 143**
6.1 Pendahuluan 143
6.2 Rumusan Dapatan kajian Fasa pertama: Reka Bentuk dan Pembinaan MOBAWE 143
6.2.1 Rumusan Komponen Utama MOBAWE 143
6.2.2 Rumusan Elemen Komponen MOBAWE 144
6.2.3 Rumusan Ciri Praktikal MOBAWE 145
6.3 Rumusan Dapatan Kajian Fasa kedua: Penilaian Kebolehgunaan dan Penilaian Modul 146
6.3.1 Perbincangan Kebolehgunaan MOBAWE 146
6.3.1.1 Pelaksanaan modul oleh pengajar 146
6.3.1.2 Kefahaman Pelajar terhadap modul 147
6.3.1.3 Kemesraan modul terhadap pengguna 147
6.3.2 Rumusan Pencapaian objektif Keberkesanan MOBAWE 148
6.3.2.1 Mempelajari al-Quran 148
6.3.2.2 Kemahiran Penulisan dalam Bahasa Arab 148



© COPYRIGHT UPM

6.3.2.3 Pendedahan mengenai tatabahasa 149
6.3.2.4 Meningkatkan kefahaman bacaan doa dan amalan harian 149
6.3.2.5 Meningkatkan motivasi untuk mempelajari bahasa Arab 149
6.3.3 Rumusan Penilaian Modul 150
6.3.3.1 Elemen MOBAWE yang membolehkan modul ini dilaksanakan seperti yang dirancang 150
6.3.3.2 Masalah yang dihadapi oleh pengguna semasa pelaksanaan modul 151
6.3.3.3 Cadangan Penambahbaikan Modul 151
6.4 Cadangan 152
6.4.1 Cadangan untuk pembinaan modul pembelajaran bahasa Arab 152
6.4.2 Penggunaan ayat suci al-Quran dalam modul 152
6.4.3 Penggunaan doa dan zikir 153
6.4.4 Penekanan tema komunikasi 153
6.4.5 Penggunaan kaedah pengulangan 153
6.4.6 Cadangan untuk kajian lanjutan 153
6.4.7 Peringkat asas kedua dan seterusnya 153
6.4.8 Penyampaian Modul khusus warga emas 154
6.5 Kesimpulan 154

**RUJUKAN** 155
**LAMPIRAN** 168
**BIODATA PELAJAR** 169
**SENARAI PENERBITAN** 171

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI JADUAL


| Jadual | | Muka surat |
|---|---|---|
| 2.1 | Kaedah Asas Pengajaran Bahasa Arab | 40 |
| 3.1 | Komponen modul pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas | 50 |
| 3.2 | Langkah bagi analisis reka bentuk dan pembinaan MOBAWE | 54 |
| 3.3 | Penglibatan peserta dalam fasa kajian | 58 |
| 3.4 | Kriteria penilaian dalam fasa kajian reka bentuk | 58 |
| 3.5 | Fasa Penilaian Formatif | 60 |
| 3.6 | Soalan yang membimbing penilaian prototaip | 60 |
| 3.7 | Soalan yang membimbing penilaian kepelbagaian modul dan keberkesanan | 62 |
| 3.8 | Soalan Temubual pengajar | 64 |
| 4.1 | Reka bentuk dan perincian komponen utama MOBAWE | 71 |
| 4.2 | Elemen komponen objektif MOBAWE | 75 |
| 4.3 | Elemen dalam komponen kandungan MOBAWE | 76 |
| 4.4 | Ungkapan komunikasi | 80 |
| 4.5 | Senarai kosa kata pinjaman dalam salah satu soalan latihan dalam MOBAWE | 84 |
| 4.6 | Teks atau kosa kata tambahan dalam MOBAWE | 85 |
| 4.7 | Kata hikmah dan peribahasa | 86 |
| 4.8 | Senarai tajuk sintaksis | 87 |
| 4.9 | Kekerapan kata ganti nama dalam al-Quran | 88 |
| 4.10 | Contoh arahan soalan untuk latihan kosa kata | 91 |
| 4.11 | Arahan Soalan Kosa Kata | 92 |
| 4.12 | Contoh Arahan Soalan Terjemahan | 92 |
| 4.13 | Contoh Arahan Soalan Komunikasi | 93 |




© COPYRIGHT UPM

| | | |
|---|---|---|
| 4.14 | Arahan Soalan kosa kata tajuk komunikasi | 93 |
| 4.15 | Contoh Arahan soalan sintaksis dan latihan | 94 |
| 4.16 | Pengenalan ayat mudah | 95 |
| 4.17 | Soalan bersumberkan petikan ayat al-Quran | 95 |
| 4.18 | Jadual ciri praktikal MOBAWE | 96 |
| 4.19 | Elemen objektif bagi MOBAWE berdasarkan cadangan panel pakar | 100 |
| 4.20 | Elemen kandungan bagi MOBAWE berdasarkan cadangan panel pakar | 101 |
| 4.21 | Elemen kosa kata tambahan bagi MOBAWE berdasarkan cadangan panel pakar | 102 |
| 4.22 | Elemen sintaksis dalam komponen kandungan bagi MOBAWE berdasarkan cadangan panel pakar | 103 |
| 4.23 | Contoh arahan soalan kurang sesuai | 104 |
| 4.24 | Contoh penambahbaikan arahan soalan | 104 |
| 4.25 | Pengesahan Pakar ciri praktikal | 105 |
| 5.1 | Senarai Soalan Yang Memandu Penilaian kepraktisan Modul | 108 |
| 5.2 | Soalan Yang Dibincangkan untuk menguji keberkesanan | 120 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI RAJAH

**Rajah** **Muka surat**


| | | |
|---|---|---|
| 3.1 | Kerangka Konseptual Pembinaan MOBAWE | 46 |
| 3.2 | Model ADDIE bagi reka bentuk pengajaran | 47 |
| 3.3 | Kerangka Kajian | 48 |
| 3.4 | Bahan Pembelajaran Bahasa Arab Warga Emas | 51 |
| 3.5 | Proses Pengajaran & Pembelajaran Bahasa Arab Warga Emas | 52 |
| 4.1 | Komponen Utama MOBAWE | 70 |
| 4.2 | Elemen Dalam Komponen Utama MOBAWE | 73 |
| 4.3 | Bahan Pembelajaran | 74 |
| 4.4 | Elemen Objektif | 74 |
| 4.5 | Proses Pengajaran dan Pembelajaran | 89 |
| 4.6 | Contoh Arahan soalan sintaksis | 94 |
| 4.7 | Contoh dua bentuk penomboran | 98 |
| 5.1 | Soalan menguji kebolegunaan MOBAWE | 108 |
| 5.2 | Topik dan soalan dalam perbincangan mengenai kepraktisan modul | 109 |
| 5.3 | Topik dan soalan perbincangan mengenai keberkesanan modul | 119 |
| 5.4 | Soalan perbincangan mengenai penilaian modul | 134 |


© COPYRIGHT UPM

## SENARAI TRANSLITERASI

| Huruf Arab | Huruf Latin |
| --- | --- |
| ء | ʾ |
| ب | B |
| ت | T |
| ث | Th |
| ج | J |
| ح | ḥ |
| خ | Kh |
| د | D |
| ذ | Dh |
| ر | R |
| ز | Z |
| س | S |
| ش | Sh |
| ص | ṣ |
| ض | ḍ |
| ط | ṭ |
| ظ | ẓ |
| ع | ʿ |
| غ | Gh |
| ف | F |
| ق | Q |
| ك | K |
| ل | L |
| م | M |
| ن | N |
| ه | H |
| و | W |
| ي | Y |

© COPYRIGHT UPM

## 1. VOKAL PENDEK

| Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|
| | A |
| | I |
| | U |

2. VOKAL PANJANG

| Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|
| ا/ى | ā |
| ي | ī |
| و | ū |

3. DIFTONG

| Huruf Arab | Huruf Latin |
|---|---|
| وْ | Aw |
| يْ | Ay |
| يّ | yy/ī |
| وّ | uww/ū |

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI SINGKATAN

| | |
|---|---|
| DDR | *Design and Developmental Research* |
| MOBAWE | Modul Bahasa Arab Warga Emas |
| UITM | Universiti Teknologi Mara |
| UPM | Universiti Putra Malaysia |
| UIAM | Universiti Islam Antarabangsa Malaysia |
| USIM | Universiti Sains Islam Malaysia |
| U3A | *University of the Third Age* y three |
| IPTA | Institut Pengajian Tinggi Awam |
| PFSS | Penilaian Formatif Satu dengan Satu |
| PFPL | Penilaian Formatif Percubaan Luar |

© COPYRIGHT UPM

## SENARAI LAMPIRAN


| Lampiran | | Page |
|---|---|---|
| A | MOBAWE muka depan | |
| B | Muka depan beberapa Unit Pelajaran MOBAWE | |
| C | Contoh Latihan dan latihan bersumberkan al-Quran | |
| D | Pengesahan Transkripsi | |
| E | Pengesahan Pakar Kualitatif | |
| F | Contoh Transkripsi | |
| G | Pengesahan Temu bual | |
| H | Catatan Refleksi | |
| I | Kehadiran peserta dalam Fasa Pelaksanaan | |


© COPYRIGHT UPM

# BAB 1

# PENGENALAN

## 1.1 Pendahuluan

Bab ini akan menghuraikan beberapa isu utama yang berkaitan dengan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas sehingga membawa kepada penelitian kajian ini. Kemudian, bab ini akan membincangkan kepentingan mewujudkan satu bahan pembelajaran yang bersesuaian dengan warga emas. Reka bentuk kajian ini berasaskan keperluan dan pendekatan pembinaan yang mengambil kira aspek psikologi, sosial, dan tujuan pelajar warga emas belajar bahasa Arab.

## 1.2 Latar Belakang

Pembelajaran sepanjang hayat ialah satu proses yang amat penting dalam kelangsungan hidup seseorang dari kecil sehingga meniti usia tua. Ajaran Islam telah membuktikan bahawa menuntut ilmu ialah satu proses seumur hidup yang berterusan dan tidak bernoktah. Hal ini dapat dibuktikan melalui kenyataan tersebut:

أُطْلُبْ العِلْمَ مِنَ المَهْدِ إِلَى اللَّحْدِ

"tuntutlah ilmu dari buaian sehingga ke liang lahad"

Kesempurnaan pengabdian dan kepatuhan seseorang terhadap segala amanah yang dipertanggungjawabkan oleh Allah berkait rapat dengan kesempurnaan ilmu yang dimilikinya. Seseorang muslim tidak mampu untuk mendalami agamanya dengan sempurna melainkan sekiranya dia terlebih dahulu belajar dan mendalami bahasa Arab kerana hubungan antara kedua-duanya seperti hubungan dalam satu anggota tubuh (Taha 1994).

Sehubungan dengan itu, salah satu tumpuan pembelajaran dewasa dalam kalangan masyarakat muslim di Malaysia ialah pembelajaran bahasa Arab. Keinginan yang tinggi untuk mempelajari bahasa Arab dalam segenap lapisan masyarakat Islam di Malaysia semakin meningkat. Banyak bengkel, kursus, kelas bahasa Arab dan sebagainya telah diusahakan oleh pelbagai institusi untuk memenuhi permintaan ramai. Pembelajaran ini bukan sahaja terhad di masjid atau surau, malah ditawarkan oleh berbagai institusi pengajian tinggi, jabatan-jabatan, syarikat-syarikat, dan sebagainya. Lubna (2007), mendapati bahawa orang awam mempunyai kesedaran terhadap kepentingan bahasa Arab kerana bermanfaat untuk memahami agama, selain untuk keperluan semasa, minat, kerjaya dan sebagainya.

© COPYRIGHT UPM

Perkembangan minat yang besar terhadap pembelajaran bahasa Arab telah mendapat tempat dalam kalangan orang awam dewasa, terutama golongan warga emas yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Minat warga emas untuk belajar bahasa Arab dapat dilihat apabila banyak daripada golongan ini yang mengikuti kelas Bahasa Arab, sama ada secara formal mahupun tidak formal. Menurut Che Radiah dan Raja Masittah (2011), golongan warga emas menjadi antara golongan utama yang mengikuti kelas pengajian bahasa Arab sama ada di masjid, surau, pusat pendidikan bahasa Arab awam mahupun swasta dan sebagainya.

Warga emas sangat berminat untuk menguasai bahasa Arab kerana mereka mempunyai keinginan yang lebih tinggi untuk menghayati agama dalam kehidupan pada usia emas. Bertitik tolak daripada kepelbagaian tujuan dan faktor pendorong untuk golongan warga emas mempelajari bahasa Arab, usaha yang bersistematik sangat perlu bagi merangka program khusus untuk golongan ini bagi meraikan kehendak dan keperluan sebenar mereka. Beberapa persoalan akan timbul apabila menyentuh pembelajaran bahasa dalam kalangan dewasa, khususnya warga emas, terutama sekali berkaitan dengan objektif pembelajaran, tahap kemampuan mereka, bahan pembelajaran dan proses pembelajaran yang bersesuaian.

## 1.3 Penyataan Masalah

Seiring dengan kesedaran yang meningkat dalam kalangan pelajar dewasa, terutama warga emas untuk mempelajari bahasa Arab, banyak modul atau bahan pembelajaran bahasa Arab telah dihasilkan. Meskipun begitu, kebanyakan modul yang berada di pasaran masih belum berupaya untuk memenuhi kehendak khalayak ramai (Suhaila et.al, 2012; Mohd Shahrizal et.al, 2012). Persoalan yang sering dihadapi ialah modul atau bahan pembelajaran yang terdapat pada masa ini mengabaikan aspek analisis keperluan dan tidak dibangunkan berdasarkan dapatan analisis keperluan pembelajaran bahasa Arab yang tersedia ada (Lazim, 2000; Anzaruddin, 2008; Najjah Salwa, et.al, 2012). Selain itu, sesetengah institusi atau pusat pengajaran bahasa Arab tidak berusaha untuk mewujudkan suatu program pembelajaran yang bersesuaian dengan tujuan dan keperluan warga emas untuk mempelajari bahasa Arab juga telah mengganggu minat dan kegigihan mereka untuk terus mengikuti pengajian tersebut (Che Radiah & Raja Masittah, 2011).

Aspek lain yang tidak boleh diabaikan ialah teori pembelajaran dewasa *(andragogi)* yang merupakan asas penting dalam pembinaan bahan pembelajaran kerana warga emas mempunyai banyak perbezaan dengan pelajar lain sama ada dari aspek fisiologi, psikologi, situasi kehidupan, latar belakang atau pengalaman. Aspek tersebut tidak boleh dipandang ringan, kerana jika tidak matlamat dan objektif pembelajaran tidak dapat dicapai seperti yang dihasratkan (Husaini, 2015). Sebahagian daripada buku atau rujukan yang digunakan tidak sesuai kerana aras pembelajaranya tinggi serta pendekatannya yang kurang bertepatan dengan tahap intelek dan fizikal mereka menjadi penyebab utama kepada penurunan jumlah kehadiran warga emas dalam kelas bahasa Arab. Hal ini dikatakan demikian kerana, bahan yang digunakan masih kurang sesuai serta pendekatan dan prinsip

© COPYRIGHT UPM

pembelajaran dewasa (*andragogi*) tidak diambil berat. Walhal, setiap pengajar bahasa dan juga penggubal kurikulum dikehendaki memahami pendekatan dan prinsip belajar orang dewasa bagi menghasilkan bahan pembelajaran dan kaedah penyampaian yang menarik, berkesan dan tidak merencatkan minat mereka untuk belajar (Che Radiah et al., 2011). Knowles (1984) banyak menekankan pada 'iklim santai dan tidak formal' untuk memastikan kelangsungan dalam banyak situasi pembelajaran orang dewasa. Pelajar dewasa memerlukan satu proses yang fleksibal bagi memanfaatkan pengalaman mereka serta memanipulasikan semangat dan komitmen pelajar sekali gus para guru.

Antara masalah lain yang ketara dalam penyediaan modul atau bahan bahasa Arab ialah bentuk pendekatan tatabahasa yang digunakan dalam bahan pembelajaran bahasa Arab. Bahan yang digunakan kebanyakannya dirumitkan dengan aspek tatabahasa (Suhaila et al, 2012). Aspek tatabahasa Arab ditekankan atas keyakinan bahawa ilmu tatabahasa Arab merupakan ilmu yang paling penting sehingga tanpanya seseorang itu tidak mungkin memahami ajaran Islam (H. Salimuddin, 2007; Abdullah Rasihon, 2007). Walau bagaimanapun, aspek tatabahasa ini sebenarnya menyulitkan pemikiran orang awam yang belum mempunyai asas dalam bahasa Arab, apatah lagi bagi orang dewasa, khususnya warga emas (Che Radiah & Raja Masittah, 2011; Husaini, 2015).

Walaupun penulisan aspek tatabahasa tersebut cuba mengelak daripada menggunakan ayat dan istilah yang sukar kepada pembaca, namun huraian yang begitu padat dianggap kurang sesuai untuk diajarkan kepada orang awam yang berada pada peringkat awal pembelajaran, malah modul sedemikian dianggap tersasar dari fokus pembelajaran bahasa Arab. Penekanan kepada aspek tatabahasa bagi pelajar yang baru mula berjinak-jinak mempelajari bahasa Arab adalah tidak sesuai, bahkan boleh menurunkan minat mereka (Mohd Shahrizal et.al, 2012; Suhaila et.al, 2012).

Selain itu, masih banyak rungutan orang ramai mengenai kesukaran untuk mendapatkan bahan pembelajaran bahasa Arab yang bersesuaian untuk pelajar dewasa. Bahan pembelajaran bahasa Arab di pasaran untuk golongan dewasa masih boleh dikategorikan sebagai amat sedikit sekali. Tambahan pula bahan tersebut kebanyakannya kurang mengambil berat aspek psikologi, sosial, dan tujuan pelajar belajar bahasa Arab (Mohd Shahrizal et.al, 2012)

Masalah kesukaran mendapatkan modul atau bahan pembelajaran bahasa Arab yang sesuai untuk golongan ini telah dirasai bukan sahaja oleh pelajar dewasa dan pelajar yang berstatus warga emas, bahkan juga oleh para pengajar (Che Radiah & Raja Raja Masittah, 2011). Kebanyakan modul yang berada di pasaran juga banyak menyasarkan modul kepada pelajar institusi peringkat sekolah atau universiti tanpa menumpukan khusus ke atas pembinaan modul untuk warga emas. Sebagai contoh; beberapa usaha menyediakan modul pembelajaran secara sistematik untuk pelajar universiti telah dilakukan seperti Modul Asas Bahasa Arab Untuk Tujuan Ibadah (Mohd Phuzi, 2007) dan Modul Bahasa Arab Asas (Sainei, 2010). Walaupun kajian

© COPYRIGHT UPM

ini melalui proses pembinaan modul seperti analisis, reka bentuk, pembinaan, pelaksanaan dan penilaian, tetapi modul ini hanya mengambil dapatan analisis keperluan dalam kalangan pelajar dewasa daripada penuntut universiti.

Di samping itu juga, aspek kandungan bahan pembelajaran juga didapati tidak selari dengan keperluan pelajar warga emas yang mempelajari bahasa Arab (Che Radiah & Raja Masittah, 2011). Aspek kesesuaian tema kandungan tidak mampu dikenal pasti tanpa proses awal, iaitu analisis keperluan. Jika kandungan modul terlalu banyak, ia kurang sesuai dengan tahap pelajar yang berada pada peringkat permulaan. Salah satu ciri modul pembelajaran yang diharapkan ialah dengan membanyakkan kandungan berkaitan ilmu ibadah seperti bacaan solat, doa dan zikir serta mengutamakan empat kemahiran utama bahasa Arab, khususnya kemahiran berkomunikasi dan membaca (Mohd Shahrizal et.al, 2012; Suhaila et.al, 2012).

Dalam hal ini, satu analisis keperluan pembelajaran bahasa Arab dalam kalangan warga emas telah dijalankan menjurus kepada faktor-faktor pendorong warga emas mempelajari bahasa Arab. Husaini (2015) telah berjaya mengenal pasti tujuan warga emas mempelajari bahasa Arab, disusuli dengan keperluan bahan atau isi kandungan pembelajaran yang ingin dipelajari serta dikuasai oleh mereka, diikuti pula oleh saranan berkenaan penyampaian yang sesuai untuk diaplikasikan dalam sesi pengajaran dan pembelajaran terhadap golongan warga emas ini. Analisis keperluan yang dijalankan ini sangat bertepatan dengan pandangan para sarjana bahasa yang amat menekankan kepentingan melakukan kajian analisis keperluan dalam pembinaan suatu silibus atau program bahasa (Taba, 1962; Yalden, 1983; Richards, 1984; Schleppegrell, 1987; Brindley, 1989; Ṭuʻaymah, 1989; Brown, 1995; Evans & Maggie, 1998; Anzaruddin, 2008; Nation & Macalister 2010; Che Radiah & Raja Masittah, 2011; Najah Salwa, 2013).

Kajian analisis keperluan Husaini (2015) mendapati bahawa tujuan warga emas mempelajari bahasa Arab berkait rapat dengan keperluan hakiki mereka pada usia emas yang terbahagi kepada tiga tujuan utama iaitu tujuan agama, komunikasi dan kemasyarakatan yang menjurus kepada sumbangan terhadap komuniti. Manakala dari sudut isi bahan pembelajaran yang ingin dipelajari oleh warga emas, kajian analisis tersebut mendapati bahawa kandungan yang ingin dipelajari adalah berkaitan dengan tema agama, komunikasi, unsur bahasa dan kemahiran bahasa. Kajian juga berjaya mengenal pasti strategi yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab bagi warga emas. Salah satu dapatan penting kajian ialah warga emas suka mempelajari bahasa Arab menggunakan sebuah modul yang ringkas, mudah dan padat serta memenuhi matlamat, kehendak dan keperluan mereka.

Berdasarkan dapatan analisis keperluan ini, maka satu kajian khusus terhadap pembinaan dan penilaian modul untuk golongan ini perlu dibuat dan ia mesti bertepatan dengan citarasa, matlamat dan kehendak mereka mempelajari bahasa ini sebagaimana yang diperolehi daripada analisis keperluan. Justeru, kajian ini akan membina dan menilai modul bahasa Arab yang sesuai dengan keperluan pelajar



© COPYRIGHT UPM

dewasa, khususnya warga emas berasaskan analisis keperluan yang telah dijalankan dan prinsip andragogi yang memenuhi kehendak warga emas. Modul ini sangat diperlukan untuk menjadi bahan alternatif kepada bahan sedia ada yang agak sukar dan tidak sesuai untuk orang awam yang berada pada peringkat awal mempelajari bahasa Arab.

## 1.4 Objektif dan persoalan Kajian

Kajian yang dijalankan dalam kajian pembinaan dan penilaian ini adalah kajian kajian pembinaan dan penilaian yang menggunakan pendekatan *Design and Developmental Research* (DDR) (Ritchey & Klein, 2007). Ia adalah satu bentuk kajian yang berasaskan kepada reka bentuk yang diperlukan untuk menyelesaikan sesuatu masalah. Secara umumnya objektif kajian ini adalah untuk membina dan menilai sebuah modul pembelajaran bahasa Arab untuk warga emas. Dalam proses pembinaan dan penilaian tersebut kajian melalui dua fasa. Fasa yang dimaksudkan ialah:

a) Fasa Reka Bentuk dan Pembinaan
b) Fasa Pelaksanaan dan Penilaian

Objektif kajian dijalankan mengikut Fasa Reka Bentuk dan Pembinaan serta Fasa Pelaksanaan dan Penilaian (Nurazan 2015, Mohd Ridhuan 2016). Modul ini dinamakan sebagai Modul Bahasa Arab Warga Emas (MOBAWE). Terdapat dua objektif berdasarkan pendekatan *Design and Developmental Research* (DDR) yang digunakan, dan setiap objektif adalah mewakili dua fasa yang dinyatakan di atas. Maka, objektif dalam kajian ini adalah seperti berikut:

### 1.4.1 Objektif Fasa Pertama

Mereka bentuk dan membina komponen, elemen dan ciri praktikal modul pembelajaran bahasa Arab (MOBAWE) berdasarkan analisis keperluan warga emas.

### 1.4.2 Persoalan kajian fasa pertama adalah:

a) Apakah komponen utama modul pembelajaran bahasa Arab warga emas erdasarkan prinsip androgogi dan analisis keperluan
b) Apakah elemen-elemen ciri-ciri praktikal dan berkesan dalam komponen utama modul pembelajaran bahasa Arab warga emas



© COPYRIGHT UPM

### 1.4.3 Objektif Fasa Kedua

